

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1990/91

Oktober/November, 1990

AKU 303 - Sistem Maklumat Pengurusan I

Jam : [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab Bahagian A (WAJIB) dan LIMA soalan dari Bahagian B, C dan D, sekurang-kurangnya SATU soalan dari tiap-tiap bahagian. Jumlah soalan yang mesti dijawab ialah ENAM.

BAHAGIAN A

1. Pilih EMPAT dari (a) hingga (h).

Bandingkan atau bezakan di antara berikut:

- (a) RAM dan ROM. ✓
- (b) LAN dan WAN. ✓
- (c) HERTZ dan MIPS. ✓
- (d) Kaedah fail bersiri dan fail pengeluaran terus (direct access). ✓
- (e) Sistem pemerosesan transaksi dan sistem sokongan keputusan. ✓
- (f) Super komputer dan mikro komputer. ✓
- (g) Ingatan utama dan ingatan kedua.
- (h) COBOL dan FORTRAN.

[20 markah]

...2/-

BAHAGIAN B

2. Terangkan komponen-komponen sistem maklumat pengurusan yang berlandaskan komputer dengan jelas dan terang. Sila berikan contoh dan gambarajah, jika diperlukan.

[16 markah]

3. Bahasa pemrograman/aturcara (programming language) terbahagi kepada empat. Terangkan tiap-tiap satu berserta dengan contohnya sekali. Apakah kelebihan-kelebihan "Bahasa selepas generasi ke-4".

[16 markah]

4. Terangkan sejelas mungkin tentang organisasi fail di dalam pengkalan data dan terangkan kelebihan organisasi fail jenis relational berbanding dengan yang lain.

[16 markah]

BAHAGIAN C

5. Terangkan sebab-sebab mengapa manusia yang berkerja di dalam sistem maklumat pengurusan sukar untuk berubah setanding dengan perkembangan baru sistem tersebut.

[16 markah]

6. Nyatakan ciri-ciri sistem laporan maklumat? Dan nyatakan juga jenis-jenis sistem laporan maklumat yang anda ketahui?

[16 markah]

7. Apakah yang dimaksudkan dengan transaksi? Nyatakan berbagai fungsi sistem pemerosesan transaksi, dan nyatakan juga subsistemnya secara ringkas.

[16 markah]

...3/-

BAHAGIAN D

8. Apakah yang dimaksudkan dengan sistem pengurusan pengkalan data? Terangkan kelebihan dan kelemahan sistem pengurusan pengkalan data (DBMS)?

[16 markah]

9. Andaikan anda seorang pengurus di dalam sebuah syarikat, anda telahpun mengadakan sistem maklumat pengurusan. Tetapi masalahnya ialah anda ingin memilih program aplikasi yang ada di pasaran, tentunya anda perlu mengetahui apakah kelebihan dan kelemahan program aplikasi ini, terangkan? ✓

[16 markah]

10. Apakah yang dimaksudkan dengan pembahagian pemerosesan data (distributed data processing), bincangkan definasinya dan pembahagian beban kerja, juga terangkan kelebihan-kelebihan dan kelemahan-kelemahan yang terdapat.

[16 markah]

-oooo000oooo--